

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XIV)30

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB. LEE CHUN KIT**

30. Apakah rancangan jangka panjang Kerajaan Negeri untuk menolong golongan M40 dari segi kebajikan, perubatan dan juga peluang pekerjaan? Terutamanya untuk meningkatkan pendapatan (*earning power*) golongan M40 ini kerana ini merupakan cabaran kita untuk mengekalkan anak-anak muda dari berhijrah ke negeri atau negara lain.

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

30. Antara rancangan jangka panjang Kerajaan Negeri untuk menolong golongan M40 dari segi kebajikan, perubatan dan peluang pekerjaan dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan dan seterusnya mengekalkan anak-anak muda dari berhijrah ke negeri atau negara luar adalah seperti berikut:
- (i) Kerajaan Negeri melalui Pusat Bantuan Kerja dan Bakat Pulau Pinang (Pusat CAT) telah membangunkan laman sesawang Pusat CAT di mana majikan dapat mempromosikan peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh syarikat mereka manakala pencari kerja juga dapat memohon pekerjaan yang dipaparkan dalam laman sesawang tersebut. Selain itu, laman sesawang Pusat CAT juga memaparkan perkongsian maklumat dan informasi terkini berkaitan dengan hal-hal sumber manusia dan juga industri sebagai rujukan;
 - (ii) Pemilikan rumah adalah salah satu elemen yang penting untuk memastikan kebajikan serta menarik golongan M40 untuk bekerja di Pulau Pinang. Pusat CAT telah bekerjasama dengan *Selection Process Enhancement*

Committee (SPEC) untuk inisiatif *Priority Affordable Housing Scheme* khususnya untuk *Talent & Skilled Group*. Hal ini adalah sejajar dengan pelaksanaan visi Penang2030 yang menekankan aspek perumahan mampu milik yang dilihat sebagai faktor penting untuk menjaga kebijakan serta mengekalkan bakat di Pulau Pinang di samping sebagai usaha untuk mengekalkan Pulau Pinang sebagai bandar pintar dan bertaraf antrabangsa;

- (iii) Kerajaan Negeri mewujudkan *talent pool* yang besar dalam pelbagai bidang bagi menarik minat pelabur domestik dan asing untuk melabur di negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah bekerjasama dengan pemain industri untuk inisiatif Biasiswa *Penang Future Foundation* (PFF). Biasiswa PFF bertujuan untuk menarik anak Malaysia berumur 25 tahun dan ke bawah yang sedang atau bakal mengikuti pengajian dalam bidang STEAM (sains, teknologi, kejuruteraan, perakaunan dan matematik) di institusi pendidikan tinggi awam atau swasta dalam Malaysia untuk bekerja di negeri Pulau Pinang selepas tamat pengajian. Biasiswa ini layak untuk dimohon oleh semua anak Malaysia, tanpa mengira bangsa atau negeri asal mengikut syarat dan terma yang ditetapkan;
- (iv) Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) melaksanakan Skim Pinjaman Harapan untuk golongan usahawan bagi mengembangkan modal perniagaan. Selain itu, Kerajaan Negeri juga memperkenalkan Tabung Usahawan Tani (TUT) bagi mendorong golongan belia untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya;
- (v) Bekerjasama dengan agensi-agensi lain melalui InvestPenang untuk meneruskan usaha mempromosi dan menarik pelaburan, samada pelabur baharu ataupun penambahan pelaburan dari pelabur sedia ada, di samping membantu pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) tempatan. Usaha ini akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan untuk ditawarkan kepada anak muda Pulau Pinang;

- (vi) Mempelbagaikan pelaburan dalam sektor *Global Business Services* (GBS) supaya peluang perkerjaan dapat ditingkatkan dalam bidang kewangan, teknologi maklumat (IT), seni kreatif, perisian dan sumber manusia selain daripada sektor pembuatan, pendidikan dan pelancongan perubatan (*medical tourism*); dan
- (vii) Kerjasama Kementerian Kewangan dan Jabatan Kesihatan Malaysia telah memperluaskan pelaksanaan Skim Perlindungan Masyarakat (MySalam) kepada golongan M40 pada tahun 2020. Kerajaan Negeri akan merujuk dan bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang untuk memastikan golongan M40 di Pulau Pinang mendapat manfaat daripada skim perlindungan tersebut.